

TAHUN BARU CINA

Pelbagai Dalam Satu

Malaysia sesungguhnya adalah bumi bertuah yang memiliki kepelbagaian kebudayaan yang unik dan penuh warna-warni menerusi gabungan keindahan kesenian budaya yang diwarisi dari kalangan rakyatnya yang berbilang kaum. Jumlah penduduknya menjangkau 26 juta terdiri dari 60 peratus kaum Melayu yang kebanyakannya beragama Islam, 25 peratus kaum Cina yang menganut agama Buddha, Taoist atau Kristian manakala 8 peratus adalah kaum India diikuti kumpulan etnik minoriti yang lain.

Selain daripada masa untuk bersuka ria dan berpesta perayaan ini sebenarnya merupakan satu masa yang penting untuk mewariskan adat budaya dan tradisi dari satu generasi kepada satu generasi yang lain. Ini adalah masanya untuk merayakan kejayaan yang telah diperolehi pada tahun yang lalu dan juga sebagai meraikan ketetapan kitaran musim. Ia mengiktiraf semula hubungan yang harmoni di antara manusia dengan alam, manusia dengan komuniti dan seterusnya kewajipannya terhadap keluarga. Hari ini, perayaan musim bunga menjadi lebih penting kerana peranannya dalam menegakkan adat dan tradisi masyarakat Cina di samping mengukuhkan lagi institusi kekeluargaan.



TAHUN BARU LUNAR / PERAYAAN MUSIM BUNGA


Perayaan Musim Bunga atau Tahun Baru Lunar adalah satu perayaan utama masyarakat Cina di Malaysia dan di seluruh dunia. Malah, perayaan ini juga disambut oleh penduduk di Vietnam dan Korea.

Perayaan Tahun Baru diraikan dengan penuh meriah. Setiap rumah dihias dan dipenuhi dengan pelbagai hiasan yang melambangkan keamanan, kemakmuran dan keberuntungan. Limau-limau mandarin (dipanggil 'kam' dalam Bahasa Kantonis yang memberi maksud 'emas') adalah satu kemestian pada musim perayaan ini kerana warna keemasannya melambangkan limpahan kekayaan. Demikian juga dengan 'pomelo' (dikenali sebagai bo lok dalam Bahasa Kantonis. Lok membawa maksud ('kemakmuran'), kek Tahun Baru atau Niangao (dalam Bahasa Mandarin) atau nenkul (Bahasa Kantonis) yang melambangkan 'peningkatan sepanjang tahun'. Kesemuanya dipastikan cukup bekalannya

sehingga pada hari ke-15 perayaan.

Di antara perhiasan yang terkenal adalah 'kuplet musim bunga' atau Chunlian. Kuplet ini sangat unik bentuknya dan berupaya menceritakan lagi suasana perayaan. Ia adalah suatu cara tradisi untuk melepaskan tahun yang telah berlalu serta menerima dan mengalu-alukan tahun yang baru menjelma. Perhiasan lain adalah perkataan-perkataan Cina yang melambangkan tuah, musim bunga atau keamanan yang ditulis dalam bentuk kaligrafi pada kertas merah. Selain itu, bunga-bunga dan tanglung berwarna merah juga adalah sangat penting dalam mewujudkan suasana perayaan Tahun Baru.

Dalam perayaan Tahun Baru, 'makan besar' menjadi satu acara yang penting termasuklah jenis makanan yang dihidangkan seperti ikan (melambangkan 'lebihan'), 'fatt choy' (kekayaan) dan sebagainya. Di kalangan rakyat Malaysia, 'Yee Sang' ('ikan hidup' yang melambangkan tahun yang penuh bertenaga dan memberi keuntungan) telah diperkenalkan sebagai satu acara tradisi. Di antara yang dihidangkan termasuklah mi, ikan mentah dan beberapa jenis pembuka selera yang lain. Ramuan ini dicampur dan digaulkan oleh tetamu yang mengelilingi meja. Acara menggaulkan 'Yee Sang' ini (atau lou dalam bahasa Kantonis) menjadi simbol tahun yang dipenuhi dengan pelbagai aktiviti yang akan mendatangkan pulangan yang baik.



CHINESE NEW YEAR

Unity in Diversity

Malaysia is indeed a wonderful country with a rich, vibrant cultural heritage of a multi-racial society. Malaysia's population of 26 million comprise of 60 percent ethnic Malays, the vast majority of them Muslims, Chinese, most of them Buddhists, Taoists or Christians, make up 25 percent, while mainly Hindu or Christian ethnic Indians comprise 8 percent and the rest are other minority ethnic groups.

The Chinese New Year Festival is much more than a time of joy and merry-making. It is a time when family values are continued from one generation to another. It is a celebration of the fruits of one's labour in the past year and the cyclical regularity of the seasons. It is thus a link between the harmonious relations of man and his environment, the social relations among communities, as well as a reaffirmation of the responsibilities and duties to his family. Today, the Lunar New Year is even more important in its role as the conduit for the propagation of customs and traditions and also the strengthening of family values.



THE LUNAR NEW YEAR / SPRING FESTIVAL

The Lunar New Year or Spring Festival is the major festival of Malaysian Chinese as well as the Chinese throughout the world. The same festival is also celebrated in the Korea, and Vietnam.

The festival is celebrated with joy and merry-making. Every house is decorated and filled with items that symbolize peace, prosperity and luck. The Mandarin oranges (called kam in Cantonese, to rhyme with kam or gold) is a must as its golden richness symbolizes abundant wealth. Similarly, other auspicious items include the pomeloes (bo lok in Cantonese, to rhyme with 10k or prosperity), the New Year cake or niangao (in Mandarin) or nenkul (Cantonese) to symbolize "rising with the year", and many other goodies are stocked up to last through the fifteen-day festival.

Among the decorative items are the Spring couplets or Chunlian. They are a unique literary form that adds to the festive atmosphere. They have become a traditional method of sending off the past year and receiving the new one. Other items include Chinese characters that emphasize luck, Spring, or peacefulness, all written in artistic calligraphy on red papers. Flowers and the delightful red lanterns are also essential decorative items to create a festive ambience.

The all-important reunion dinner on New Year's eve features dishes that include, among others, fish (to symbolize "surplus"), the "fatt choy" (wealth), etc. A typical Malaysian innovation is the "Yee Sang" (literary "live fish" to symbolize a year of "vigorous and surplus (profits)" activity. This comprises such ingredients as noodle, raw fish and other appetising flavours, to be mixed by all around the table. This act of mixing (lou in Cantonese) is symbolic of a busy year that would bring good returns.